

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	25 AUGUST 2016

Jangan pandang rendah Pribumi - Ku Li

GUA MUSANG 24 Ogos - Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah memberi peringatan kepada semua ahli UMNO supaya tidak memandang rendah kemampuan Parti Pribumi Bersatu Malaysia yang dipimpin oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, ini kerana parti itu diterajui oleh bekas pemimpin yang berpengaruh dan disegani rakyat.

"Dr. Mahathir misalnya, ketika ini masih disanjung ramai orang. Begitu juga dengan Tan Sri Muhyiddin Yassin yang masih mempunyai pengaruh kuat kerana dia dahulu memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri.

"Ini peringatan kepada parti lain terutama sekali UMNO supaya jangan mengambil mudah kerana parti ini (Pribumi) boleh jadi sebuah parti yang gagah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas penutupan Kem Kecemerlangan Perdana Ujian Pencapaian Sekolah Rendah



Ini peringatan kepada parti lain terutama sekali UMNO supaya jangan mengambil mudah kerana parti ini (Pribumi) boleh jadi sebuah parti yang gagah."

TENGGU RAZALEIGH HAMZAH
Ahli Parlimen Gua Musang

(UPSR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) Parlimen Gua Musang di Sekolah Menengah Sains Gua Musang di sini hari ini.

Yang turut hadir Ahli Dewan Undangan Negeri Galas, Ab. Aziz Yusoff dan Pegawai Pendidikan Daerah, Muhammad Zahari Othman.

Tengku Razaleigh yang juga Ketua UMNO Bahagian Gua Mu-

UUM - 25/8/2016
sang berkata, semua pihak perlu lebih fokus dan melipatgandakan usaha kerana ancaman Pribumi masih belum dapat dijangka.

"Kita tengoklah...saya nak komen lebih pun tak boleh tetapi sama ada gagah atau tidak, kita kena tunggu pilihan raya umum akan datang.

"Namun kita jangan pandang rendah kerana kemungkinan Pribumi boleh mencabar kedudukan UMNO dan Barisan Nasional," katanya.

Sementara itu ketika berucap, Tengku Razaleigh melahirkan rasa gembira dengan pencapaian pelajar di daerah itu, khususnya dari kawasan pedalaman.

"Setakat hari ini, kita sudah berpuas hati. Kalau dulu syarikat asing datang untuk ambil hasil negara dan menggunakan kita untuk kepentingan mereka.

"Tetapi sekarang zaman sudah berubah kerana masyarakat kita maju kerana adanya pendidikan dan pembangunan yang tersusun," katanya.